

27 FEBRUARI 2018

## Garaj kereta jadi makmal proses dadah

### Garaj kereta jadi makmal proses dadah

**KERIAN** - Polis berjaya membongkar sindiket pengedaran dadah yang menjadikan garaj kereta sebagai makmal pemprosesan bahan terlarang itu dalam serbuan di Bagan Selatan, Tanjung Piandang di sini Jumaat lalu.

Dalam serbuan pada pukul 11 malam itu, dua lelaki berusia 40-an ditahan selepas berlaku pergelutan dengan pihak polis ketika cuba meloloskan diri.

Ketua Polis Daerah Kerian, Superintendan Omar Bakhtiar Yaacob berkata, hasil pemeriksaan pada salah seorang suspek menemui satu paket lutsinar disyaki dadah jenis methamphetamine yang disembunyi dalam beg silang.

"Pemeriksaan lanjut di dalam sebuah kereta jenis Perodua Kancil suspek turut menemui sepucuk pistol P-01 Cal.9 Luger bersama satu kelopak kosong dan 35 butir



**OMAR BAKHTIAR** (tengah) menunjukkan pistol yang dirampas dalam serbuan di Bagan Selatan pada sidang akhbar di IPD Kerian semalam.

peluru hidup di dalam beg kertas yang diletakkan di tempat duduk penumpang hadapan.

"Kami percaya pistol tersebut digunakan suspek bagi mempertahankan diri daripada

sebarang ancaman yang boleh mengganggu kegiatan jenayah mereka," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kerian semalam.

Tambah Omar Bakhtiar, po-

lis turut menemui tiga botol plastik dan kaca mengandungi bahan kimia serta empat balang kaca mengandungi asid yang dipercayai bagi tujuan memproses dadah.

"Antara dadah yang dirampas ialah heroin seberat 884.7 gram, methamphetamine (10.9g) dan 9.6g pil eramin 5 dengan nilai keseluruhan RM25,000.

"Hasil soal siasat mendapati sindiket tersebut telah aktif menjalankan kegiatan pengedaran sejak enam bulan lalu dan polis sedang menjalankan siasatan bagi mengesan baki ahli yang lain," katanya.

Katanya, kedua-dua suspek ditahan reman selama tujuh hari bermula 24 Februari hingga 2 Mac depan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 8(a) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1960.